



ca: 8976

1100089235

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (P2D)  
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 49 FPE 1 2011



1100089235

Kecekapan pengurusan zakat di negeri Johor / Siti Fauziah Musa

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089235

## Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**KECEKAPAN PENGURUSAN ZAKAT DI NEGERI  
JOHOR**

**SITI FAUZIAH BINTI MUSA**

**PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir ini (EKN 4399 A / B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh: 12 Mei 2010

  
Siti Fauziah binti Musa

UK 17051

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Final Year Project (EKN 4399 A / B) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date: 12 May 2010

  
Siti Fauziah binti Musa

UK 17051

## **PENGHARGAAN**

*Bismillahirrahmanirahim....*

Alhamdulillah dan bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan izin NYA dapat menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Muhammad Najit bin Sukemi, pensyarah di Jabatan Ekonomi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) selaku penyelia bagi Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir kerana telah memberi banyak tunjuk ajar, panduan dan nasihat kepada saya semasa menyiapkan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini.

Jutaan terima kasih juga di ucapkan kepada ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan serta sanggup berkorban dari segi masa, tenaga dan wang ringgit bagi membantu saya menyempurnakan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam menyiapkan Kertas projek ini.

Tidak dilupakan, ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Unit Operasi Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor kerana sudi berkerjasama dan memberikan bantuan dengan memberikan data-data yang diperlukan bagi menjalankan kajian ke atas projek ini.

Akhir kata, saya mengharapkan agar Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini akan mendapat penilaian yang sewajarnya daripada semua pihak.

Siti Fauziah binti Musa

sfm\_8808@yahoo.com

## **ABSTRAK**

Zakat merupakan satu kewajipan bagi membantu dan meringankan beban umat Islam disamping mengurangkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin. Jumlah kutipan dan agihan menunjukkan kadar peningkatan yang memberangsangkan dari setahun ke setahun seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kesedaran dikalangan pembayar dan kewujudan organisasi pengurusan zakat yang lebih tersusun. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba melihat kecekapan pengurusan zakat bagi setiap daerah di negeri Johor menggunakan data bulan bagi tahun 2010 yang diperoleh daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Bagi membuktikna objektif yang dirangka, pengkaji akan menggunakan kaedah Analisis Penyampulan Data (DEA) menggunakan model BCC dan model CCR bagi mengukur tahap kecekapan berdasarkan kecekapan teknikal semulajadi dan jumlah kecekapan teknikal. Dapatkan kajian menunjukkan hampir setiap daerah di Negeri Johor mencapai tahap kecekapan dimana nilai kecekapan yang diperoleh melebihi 0.5 kecuali bagi daerah Kulaijaya dan daerah Ledang. Bagi mengatasi masalah ketidakcekapan pengurusan zakat yang wujud, beberapa cadangan dikemukakan dalam kajian ini seperti melaporkan segala hasil kutipan dan agihan, meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberikan latihan kepada kakitangan dan sebagainya.

Kata kunci : Zakat, DEA, Kecekapan

## **ABSTRACT**

Zakat is an obligation to assist and ease the burden of Muslims as well as narrow the gap between the rich and the poor. Total collection and distribution showed a remarkable increase in rates from year to year in line with economic growth and increasing awareness among taxpayers and the existence of the management organization composed charity. Accordingly, this study attempts to see the efficient management of each regional charity in the state of Johor, in the year 2010 data obtained from the Majlis Agama Islam Negeri Johor. To prove the objectives formulated, the researches will use the method of Data Envelopment Analysis (DEA) model for the BCC and CCR model measures efficiency based on technical efficiency and total efficiency of the technical nature. The findings showed that almost every distinct in the state of Johor to achieve the level of efficiency which is the efficiency of the existing management of alms, some of suggestions were made as reported in this study all the collection and distribution, improve service quality and provide training to staff and others.

Key words : Zakat, DEA, efficiency